

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN  
KOMPLEKS ISLAM DARULNAIM, LUNDANG  
15200 KOTA BHARU

TEL: 09-7481512 / 7445957 FAX :09-7485512 / 7444393

.....

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia [ keutamaan kepada peranakan Negeri Kelantan ] yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

1. (a) **Jawatan** : **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)**  
**Gred N19**  
**(1 kekosongan)**

(b) **Klasifikasi** : Pentadbiran dan Sokongan

(c) **Kumpulan** : Pelaksana  
Perkhidmatan

(d) **Taraf Jawatan** : Tetap

(e) **Jadual Gaji** : Gred N19

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar KGT
RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00

Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00);  
atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40);  
atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran

Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan Peningkatan Secara Lantikan ke Jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (i) mempunyai kelayakan di peranggan 1(c); atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

### **GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi boleh ditetapkan oleh pihak MAIK berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

### **HAD UMUR PELANTIKAN PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT PADA TARIKH TUTUP IKLAN JAWATAN**

- i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 tahun atau 56 tahun; atau
- ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.